

Artikel

Penyelesaian Konflik dalam Teks Sastra Sejarah *Hikayat Merong Mahawangsa*
(*Resolution of Conflict in the Malay Historiography Hikayat Merong Mahawangsa*)

Nur Nabilah Mohd Razi & Muhd Norizam Jamian*

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: norizam@ukm.edu.my

Diserah: 01 Januari 2024

Diterima: 01 Februari 2024

Abstrak: Artikel ini membincangkan aspek penyelesaian konflik yang dipaparkan dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa*. Konflik merupakan satu bentuk interaksi sosial yang melibatkan antara satu pihak dengan pihak lain yang saling menentang sekiranya berlaku percanggahan pandangan. Setiap konflik yang berlaku perlu dileraikan dengan penyelesaian yang tertentu agar tidak menjadi barah dalam kehidupan masyarakat. Penyelesaian konflik merupakan kaedah untuk menangani atau mengatasi masalah yang terjadi dalam masyarakat. Kajian berkaitan aspek penyelesaian konflik dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa* belum diberikan penelitian secara khusus terutamanya daripada perspektif Ralf Dahrendorf. Kajian ini bertujuan menganalisis penyelesaian konflik yang dipaparkan dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kajian ini membataskan kepada teks sastra sejarah *Hikayat Merong Mahawangsa* yang dikaji oleh Siti Hawa Haji Salleh (1988). Seterusnya, artikel ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Sehubungan itu, penerapan teori penyelesaian konflik yang dikemukakan oleh Ralf Dahrendorf telah dipilih sebagai gagasan utama dalam penelitian kajian ini. Menerusi teori konflik Dahrendorf (1959), dua kaedah penyelesaian konflik sahaja yang diguna pakai iaitu penyelesaian secara konsiliasi dan penyelesaian secara mediasi sesuai dengan bentuk konflik yang terkandung dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa*. Hasil kajian mendapati penyelesaian konflik secara konsiliasi telah diaplikasikan untuk meleraikan konflik peribadi dan konflik rasial. Seterusnya, penyelesaian secara mediasi pula telah diaplikasikan dalam meleraikan konflik kuasa dan konflik antara kelas sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan bukti kebijaksanaan masyarakat Melayu tradisional dalam menguruskan konflik serta krisis yang berlaku dengan penyelesaian yang berkesan.

Kata kunci: penyelesaian; konflik; *Hikayat Merong Mahawangsa*; konsiliasi; mediasi

Abstract: This article discusses the aspect of conflict resolution depicted in the text of *Hikayat Merong Mahawangsa*. Conflict is a form of social interaction that involves opposing views between two or more parties. When disagreements arise, it is essential to resolve conflicts using specific methods to prevent them from becoming detrimental to society. Conflict resolution is the process of addressing or overcoming issues that occur within a community. Research related to conflict resolution within the text of *Hikayat Merong Mahawangsa* has not been extensively explored, especially from the perspective of Ralf Dahrendorf. The aim of this study is to analyze the conflict resolution depicted in the text of *Hikayat Merong Mahawangsa*. The research is focused on the historical literary text of *Hikayat Merong Mahawangsa* as studied by Siti Hawa Haji Salleh (1988). Additionally, this article adopts a qualitative approach utilizing literature review and textual analysis methods. Therefore, the primary framework applied in this study is Ralf Dahrendorf's conflict resolution theory. According to Dahrendorf's conflict theory (1959), only two conflict resolution methods are

employed, namely conciliation and mediation, in accordance with the types of conflicts depicted in the text of *Hikayat Merong Mahawangsa*. The research findings reveal that conciliation was applied to resolve personal and racial conflicts, while mediation was employed to address power struggles and conflicts between social classes. The study indicates that *Hikayat Merong Mahawangsa* provides evidence of the wisdom of traditional Malay society in effectively managing conflicts and crises.

Keywords: solution; conflict; *Hikayat Merong Mahawangsa*; conciliation; mediation

Pengenalan

Karya-karya sastra Melayu mengandungi gagasan pemikiran, idea dan emosi yang ditampilkan menerusi keterampilan pengarang dalam mengolah bahasa untuk menyampaikan makna dan perasaan yang mendalam (Nadiatul Shakinah, 2023). Kehebatan akal budi Melayu yang mencerminkan perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang manusia yang mengutamakan kebijaksanaan, keluhuran jiwa serta keindahan terungkap melalui karya-karya sastra tersebut (Muhd Norizam & Zubir, 2019). Karya sastra mempunyai aspek penceritaan yang mengandungi pengajaran berkenaan kehidupan yang digambarkan melalui watak dan perwatakan dalam sesebuah karya (Arba'ie, 2012). Sesetengah penceritaan memaparkan peristiwa yang mampu mencetuskan konflik, hasil komunikasi harian masyarakat dalam kehidupan. Konflik boleh dianggap sebagai suatu fenomena yang bersifat subjektif yang gagal dikesan pada peringkat awal kewujudannya, sehinggalah menjadi sesuatu yang bersifat nyata hasil daripada tindakan dan tingkah laku mereka yang berkonflik (Malike, 2008). Konflik merupakan satu bentuk interaksi sosial yang melibatkan antara diri individu dan manusia lain yang saling menentang sekiranya berlaku percanggahan pandangan. Krisis yang dialami akan menjadikan pihak yang berkonflik tidak akan sihat secara fizikal dan juga mental. Krisis yang sangat berat akan membawa kepada gangguan dalam tingkah laku, terutama dalam perjalanan kehidupan seseorang (Azizi & Jamaludin, 2007). Secara tidak langsung, seseorang yang mengalami gangguan mental dan fizikal akibat daripada konflik yang berlaku menyebabkan kecelaruan perlakuan sehingga kelihatan janggal dan bercanggah dengan anggota masyarakat lain di sekelilingnya (Amran, 2011).

Menurut Nurgiyantoro (2002), konflik adalah sesuatu yang bersifat negatif atas perselisihan yang terjadi atau dialami oleh manusia dan mempunyai kebebasan untuk memilih untuk tidak ada dalam situasi konflik itu. Konflik wujud dalam setiap peristiwa, melibatkan konflik hubungan antara manusia dengan manusia dalam sebuah masyarakat. Hal ini kerana setiap manusia tidak akan dapat mengelak daripada mengalami konflik oleh sebab setiap manusia secara fitrahnya akan mengalami konflik dalam diri (Nurhayati Diyana, 2015). Konflik boleh berlaku kepada diri sendiri kerana diri menentukan konflik sebagai satu pertentangan dalam kehidupan. Konflik juga merupakan gambaran pertentangan yang wujud sekurang-kurangnya melibatkan dua pihak yang saling bergantung dan memerlukan di antara satu sama lain (Mohd Foad, 2005). Menurut Coser (1956), konflik merupakan perjuangan individu-individu dan kelompok-kelompok yang berkisar kepada nilai dan kebimbangan terhadap kedudukan, persaingan untuk mendapatkan kuasa dan sumber yang terhad. Dalam hal ini, pihak yang berkonflik mempunyai pilihan untuk meneutralkan, memburukkan, merosakkan atau menghapuskan saingan mereka.

Setiap konflik yang berlaku mempunyai penyelesaian yang mampu diatasi oleh individu atau pihak lain. Jika penyelesaian konflik itu tidak dilaksanakan dan diselesaikan dengan baik berkemungkinan akan mencetuskan satu keadaan yang tidak harmoni dalam kehidupan masyarakat. Penyelesaian konflik boleh diertikan sebagai usaha untuk mencari alternatif dan idea bagi mengatasi halangan yang ada untuk mencapai sesuatu matlamat (Mumtazah & Husna, 2008). Hal ini demikian kerana penyelesaian konflik merupakan suatu proses mental dan pemikiran yang agak rumit dan memerlukan kesabaran sepanjang mencari penyelesaian yang terbaik. Menyelesaikan konflik yang timbul adalah sangat penting dan sudah semestinya penyelesaian yang baik akan membawa kepada peningkatan keyakinan diri dan lebih bertanggungjawab serta bersedia untuk menghadapi halangan dan rintangan pada masa kini dan mendatang.

Hikayat Merong Mahawangsa adalah sebuah naskhah historiografi Melayu tradisional yang mengisahkan tentang sejarah kerajaan Melayu di Kedah, termasuk konflik yang berlaku pada era tersebut. Aspek konflik menjadi salah satu elemen penting dalam menghidupkan jalinan penceritaan sesebuah karya

sastera. Hal ini selari dengan penghasilan sesebuah karya yang memaparkan konflik melalui watak yang akan bertindak dalam setiap peristiwa. Konflik yang digambarkan dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa* meninggalkan kesan emosi dan sekali gus terpateri sebagai inti pati sejarah pembukaan negeri Kedah. Setiap konflik dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan penceritaan yang menerapkan kisah masyarakat, budaya dan pemikirannya yang membentuk sebuah kreativiti dengan menggabungkan antara realiti dan fantasi. Rentetan itu, pengelolaan konflik perlu dilakukan secara efektif agar sesebuah konflik tidak menjadi barah dalam masyarakat. Oleh sebab aspek penyelesaian konflik dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa* belum diberikan penelitian secara khusus terutamanya dengan menerapkan pendekatan Ralf Dahrendorf, keadaan tersebut menuntut perbincangan dilakukan bagi memperlihatkan bagaimana konflik dileraikan dalam teks tersebut. Kebanyakan pengkaji lebih gemar meneliti berkenaan proses adaptasi, unsur mitos dan menjadikan teks *Hikayat Merong Mahawangsa* sebagai rujukan dalam menyusur galur asal keturunan raja seperti yang dapat dilihat dalam kajian yang dibuat oleh Nazreen (2015) dan kajian yang dilakukan oleh Norazimah dan Mazarul Hasan (2019). Kajian mengenai penyelesaian konflik juga kurang dititikberatkan oleh para pengkaji lepas. Hal ini dapat dibuktikan daripada kajian yang dibuat oleh Siti Zuhaidah dan Nik Rafidah (2014) dan kajian Norazlina, Raja Masittah dan Jama'ah (2017). Oleh itu, makalah ini akan mengkaji berkenaan kaedah penyelesaian konflik yang dipaparkan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan mengaplikasikan teori konflik Dahrendorf (1959), sekali gus menjadi sebahagian inti pati kepada sejarah pembukaan negeri Kedah. Sebagai sebuah karya kesusasteraan Melayu tradisional, *Hikayat Merong Mahawangsa* berperanan dalam menyampaikan mesej yang menggambarkan kebijaksanaan masyarakat tradisi dalam menyelesaikan sesuatu konflik kehidupan (Muhd Norizam & Shaiful Bahri, 2015).

Metodologi

Makalah ini mengaplikasikan metode kualitatif yang menerapkan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Menerusi penulisan ini, pengaplikasian kaedah kepustakaan telah dilakukan dalam mendapatkan bahan-bahan rujukan berkaitan konflik dan *Hikayat Merong Mahawangsa* seperti artikel, buku, tesis, jurnal dan akhbar di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, UKM. Penelitian terhadap bahan-bahan kajian lepas seperti artikel dan jurnal turut dilakukan menerusi laman web rasmi seperti *Academia*, *Researchgate*, *Google Scholar*, dan beberapa buah laman sesawang ilmiah. Seterusnya, kaedah analisis kandungan teks telah dilakukan untuk menganalisis teks *Hikayat Merong Mahawangsa* yang dikaji dan diperkenalkan oleh Siti Hawa Haji Salleh. Teks *Hikayat Merong Mahawangsa* ini merupakan cetakan pertama yang telah diterbitkan oleh Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur pada tahun 1998. Analisis kandungan dilakukan terhadap teks tersebut menerusi teknik bacaan rapi dalam menganalisis kaedah penyelesaian konflik yang terkandung dalam teks dan dianalisis menggunakan teori konflik Dahrendorf (1959).

1. Penyelesaian Konflik Ralf Dahrendorf (1959)

Konflik boleh terjadi disebabkan oleh sebab tertentu yang boleh menimbulkan ketegangan dalam sesuatu keadaan. Setiap konflik yang terjadi sudah tentu mempunyai jalan penyelesaian yang tertentu. Penyelesaian konflik dipaparkan secara tersirat atau tersurat bagi setiap konflik yang dihadapi oleh masyarakat. Penyelesaian konflik merupakan kaedah untuk menangani atau mengatasi masalah yang terjadi dalam masyarakat. Hal ini turut diperkatakan oleh Ralf Dahrendorf sebagaimana petikan berikut:


The three forms of conflict regulation thus indicated, i.e., conciliation, mediation, and arbitration, may operate as successive stages of conflict regulation or be applied individually in given situations. If they are understood as a succession of stages, their logical conclusion would appear to be that type of arbitration in which both the invitation of an arbitrator and the acceptance of his decision are compulsory for the parties involved.

(Dahrendorf, 1959: 230)

Conciliation, mediation, and arbitration, and their normative and structural prerequisites, are the outstanding mechanisms for reducing the violence of class conflict. Where these routines of relationship are established, group conflict loses its sting and becomes an institutionalized pattern of social life.

(Dahrendorf, 1959: 230)

Menurut Dahrendorf (1959), terdapat tiga bentuk penyelesaian konflik merangkumi konsiliasi, mediasi dan arbitrase yang boleh dilakukan secara berperingkat dalam penyelesaian konflik atau digunakan secara individu dalam situasi tertentu (Rajah 1). Kedua-dua pihak iaitu orang tengah dan penerima keputusan (pihak yang berkonflik) perlu melalui proses ini, untuk memastikan penyelesaian konflik berjaya dilaksanakan. Terdapat beberapa bentuk penyelesaian konflik yang bergantung kepada tiga faktor. Pertama, penyelesaian antara kedua-dua pihak yang saling mengalah dan mengakui masalah yang dihadapi. Kedua, kepentingan yang diperjuangkan haruslah disusun secara rapi tanpa adanya salah faham. Seterusnya faktor ketiga ialah kedua-dua pihak yang menghadapi konflik haruslah bersepakat untuk menyelesaikan masalah dengan menjaga hubungan yang baik antara mereka. Dahrendorf (1959) mengusulkan beberapa pendekatan dan strategi untuk penyelesaian konflik. Oleh itu, teori konflik dan penyelesaian Dahrendorf telah diaplikasikan bagi meleraikan konflik yang terpapar dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Bagaimanapun dalam konteks kajian ini, hanya penyelesaian konflik konsiliasi dan penyelesaian konflik mediasi akan diterapkan sesuai dengan peristiwa konflik yang terkandung dalam teks berkenaan.



Rajah 1. Bentuk-bentuk penyelesaian konflik dalam Teori Penyelesaian Konflik Ralf Dahrendorf
Sumber: Dahrendorf (1959)

Penyelesaian Konflik secara Konsiliasi

Menurut Dahrendorf (1959), pendekatan konsiliasi adalah di mana semua pihak akan membincangkan dan membahaskan secara terbuka untuk mendapatkan persetujuan tanpa ada pergaduhan dan dijalankan dalam bentuk penyelesaian. Melalui pendekatan ini, kedua-dua belah pihak yang berdepan dengan konflik harus saling berbincang dan mengakui kesilapan antara mereka kerana setiap pengakuan akan membawa kebaikan kepada kedua-dua belah pihak.

Penyelesaian Konflik secara Mediasi

Kaedah penyelesaian konflik kedua adalah penyelesaian secara mediasi atau pengantaraan. Menurut Dahrendorf (1959), penyelesaian secara mediasi merujuk kepada persetujuan kedua belah pihak untuk mendapatkan nasihat dan pandangan daripada pihak lain mengenai masalah yang berlaku. Hal ini kerana individu yang menghadapi konflik antara kelompok ini haruslah saling bekerjasama dalam menangani konflik yang dihadapi iaitu dengan mengambil pandangan daripada pihak ketiga bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Dapatan dan Perbincangan

Teks *Hikayat Merong Mahawangsa* sememangnya kaya dengan unsur kebudayaan, keagamaan, kepercayaan dan nilai norma sosial hasil cerminan kehidupan masyarakat Melayu. Konflik pada dasarnya adalah satu perkara yang sering wujud dalam kehidupan sosial yang sukar untuk dipisahkan dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, setiap konflik yang berlaku harus diselesaikan dan dikendalikan dengan baik oleh setiap masyarakat. Hal ini kerana setiap penyelesaian yang dibuat haruslah dilakukan dalam tempoh masa yang sewajarnya kerana masalah yang diselesaikan secara terburu-buru tidak akan menemui jalan penyelesaian yang baik. Oleh itu, dapatan analisis akan menerangkan lebih terperinci berkenaan kaedah penyelesaian konflik secara konsiliasi dan mediasi dalam meleraikan konflik yang dipaparkan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*.

1. Penyelesaian Konflik Peribadi secara Konsiliasi

Konflik peribadi terjadi kerana perbezaan kepentingan antara individu. Konflik peribadi sering kali berpunca daripada ketidakpuasan atau ketegangan antara dorongan-dorongan yang tidak disedari dan tuntutan-tuntutan moral atau sosial yang berlaku dalam masyarakat (Dahrendorf, 1959). Kaedah penyelesaian konflik secara konsiliasi dilihat dalam meleraikan konflik peribadi yang terdapat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Berdasarkan teks *Hikayat Merong Mahawangsa*, dapat dilihat bahawa konflik peribadi telah terjadi pada watak Raja Merong Mahawangsa. Konflik peribadi yang dipaparkan dalam teks ini lebih kepada konflik peribadi kerana keperluan, keinginan atau nilai yang bertentangan antara Raja Merong Mahawangsa dengan Burung Geroda. Pertentangan tujuan antara Raja Merong Mahawangsa dengan burung Geroda telah memicu kepada konflik peribadi. Hal ini dapat dilihat dalam petikan teks berikut:

“Ya Nabi Allah, hamba dengar warta raja Rom ada menaruh seorang anak laki-laki dan raja Benua China ada menaruh seorang anak perempuan. Maka sekarang raja Rom itu hendak meminang anak raja Benua China. Konon akan rupa kedua anak raja itu terlalu amat eloknya, tiadalah lagi bandingnya akan rupa keduanya itu, dan kedudukan negeri itu terlalulah jauh, pada fikiran hamba bukanlah jodo pertemuannya...”
(Siti Hawa, 1998: 5)

“Maka titah raja Rom kepada Raja Merong Mahawangsa, “Hai saudara hamba, hendaklah saudara pergi ke Benua China, ganti hamba membawa pergi paduka anakanda ini, kahwinkan dengan anak raja Benua China.”...Maka sembah Raja Merong Mahawangsa, “Baiklah, tuanku, barang yang dititahkan itu patik kerjakan, tuanku.”
(Siti Hawa, 1998: 7)

Petikan tersebut merupakan dialog antara Geroda dengan Nabi Sulaiman yang jelas memaparkan ketidakselesaian Geroda dalam soal perjodohan antara kedua-dua negara. Rasa kurang senang tersebut memuncak sehingga Geroda sanggup menyerang rombongan anak raja Rom yang dipimpin oleh Raja Merong Mahawangsa. Serangan demi serangan yang dilakukan Geroda telah mengorbankan nyawa anak kapal rombongan tersebut. Hal ini telah menimbulkan konflik di antara kedua-dua belah pihak. Situasi ini jelas bertentangan dengan tujuan pelayaran Raja Merong Mahawangsa. Petikan tersebut memaparkan kepercayaan Raja Rom terhadap Raja Merong Mahawangsa sehingga baginda mengamanahkan Raja Merong Mahawangsa untuk menjadi ketua pimpinan ke Benua China. Keberanian Raja Merong Mahawangsa ini adalah dorongan daripada tanggungjawab yang diamanahkan untuk mengiringi dan menjaga Putera Rom dalam perjalanan ke Benua China. Kepimpinan dan kepahlawanan Raja Merong Mahawangsa begitu terserlah dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* apabila baginda segera bertindak dan menyusun strategi melawan musuh. Hal ini dapat dilihat sebagaimana petikan berikut:

“Maka Raja Merong Mahawangsa pun bertitah kepada sekaliannya suruh beringat-ingat alat senjata masing-masing tangan serta mengisi ubat bedil meriam, jangan dialpakan. Demi didengar oleh sekaliannya titah Raja Merong Mahawangsa yang demikian itu, maka sekalian itu pun mengerahkan sekalian orangnya suruh beringat-ingat serta memegang senjata masing-masing di tangan.”
(Siti Hawa, 1998: 9)

Petikan tersebut jelas menunjukkan Raja Merong Mahawangsa telah membuat penyelesaian konflik melalui konsiliasi iaitu menerusi perbincangan yang telah dilakukan oleh pihaknya sehingga membawa kepada persetujuan untuk melawan, bertahan dan menewaskan serangan Geroda. Hal ini sejajar dengan pendefinisian konsiliasi menurut Dahrendorf (1959), iaitu pihak yang terlibat membuat timbang tara demi kepentingan, keselamatan dan tujuan yang tertentu. Seluruh rombongan daripada Rom termasuk raja Rom meletakkan kepercayaan kepada Raja Merong Mahawangsa sepenuhnya untuk memimpin rombongan ke Benua China kerana baginda merupakan raja paling sakti dibandingkan raja-raja lain. Persiapan dan kelengkapan untuk bertempur telah disiapsiagakan oleh angkatan Raja Merong Mahawangsa demi menjaga keselamatan Putera Rom dan rombongannya. Tindakan pantas telah dilakukan Raja Merong Mahawangsa dengan menarik busur yang bernama “ayun-ayunan” ke udara sebagai membalas serangan Geroda yang ingin menyambar angkatannya. Serangan Geroda ini dilakukan berturut-turut untuk memastikan janjinya untuk merosakkan dan membatalkan rancangan perkahwinan antara Putera Rom dengan Puteri Benua China berhasil. Kesepakatan dan kepercayaan antara rombongan kepada Raja Merong Mahawangsa telah melenyapkan kegusaran baginda dalam memerangi Geroda demi kemaslahatan angkatan pimpinannya.

2. Penyelesaian Konflik Rasial secara Konsiliasi

Konflik rasial adalah konflik yang berlaku antara kelompok ras yang mempunyai pandangan atau kebudayaan yang berbeza (Dahrendorf, 1959). Konflik rasial sering kali melibatkan pertentangan, prasangka, diskriminasi atau perlakuan tidak adil berdasarkan perbezaan ras oleh masyarakat. Konflik rasial muncul dalam berbagai-bagai konteks, termasuk dalam dunia pekerjaan, perkahwinan, kemasyarakatan dan sebagainya. Hal ini demikian kerana konflik ini teretus akibat stereotaip, prasangka, ketidakadilan sistematik, perbezaan sosial, ekonomi atau politik antara kumpulan kaum atau etnik tertentu. Kaedah penyelesaian konflik secara konsiliasi ini dapat dilihat dalam peleraian konflik rasial yang terpapar dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Konflik rasial yang terdapat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* adalah konflik berkaitan anak Raja Seri Mahawangsa yang ingin berkahwin dengan cucu Nang Miri yang berketurunan gergasi.

Berdasarkan teks *Hikayat Merong Mahawangsa*, konflik rasial telah terjadi pada watak anak Raja Seri Mahawangsa yang jatuh cinta terhadap rupa paras cucu Nang Miri yang berasal daripada golongan gergasi. Kecantikan cucu Nang Miri sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Kejelitaan cucu Nang Miri tidak sekadar memikat hati Raja Seri Maha Inderawangsa namun telah menawan hati ayahandanya Raja Seri Mahawangsa sehingga baginda sanggup menjaganya sementara Nang Miri dihantar ke Benua Siam. Hal ini dapat dilihat sebagaimana petikan berikut:

“Hatta, maka adalah seorang budak perempuan, cucu kepada Nang Miri gergasi kerana tuknya Nang Miri gergasi itu pergi ke Benua Siam hantarkan raja benua itu, kerana Nang Miri itu pun ia suatu penghulu dan raja kepada segala tentera gergasi. Maka cucunya itu diambil oleh Raja Seri Mahawangsa tinggal di negeri Kedah kerana rupanya terlalu amat baik parasnya, lagi tubuhnya putih kuning, rendah montel sifat tubuhnya. Tiba-tiba datanglah gemar pada hati anak Raja Seri Mahawangsa itu akan dia, hendak dijadikan isterinya. Maka oleh Raja Seri Mahawangsa beberapa ditegahkan anakanda itu daripada beristeri akan budak perempuan itu, mengatakan “tiada sama langsungnya dengan kita, kalau-kalau siapa tahu akhirnya beroleh anak dengan perempuan itu menurut hawa nafsu kaumnya, iaitu gergasi, masuk fitnah makannya itu.”

(Siti Hawa, 1998: 45- 46)

Raja Seri Mahawangsa tidak mempersetujui anaknya, Raja Seri Maha Inderawangsa daripada mengahwini cucu kepada Nang Miri kerana perbezaan kelas dan status sosial. Aturan kerajaan menetapkan bahawa raja harus menikah dengan wanita yang memiliki kelas yang sama. Pertentangan antara kedua-dua anak beranak ini telah menimbulkan konflik yang tidak disenangi. Oleh itu, Raja Seri Mahawangsa cuba meleraikan pertikaian ini dengan kaedah menasihati anaknya supaya tidak mengahwini cucu Nang Miri kerana gusar dan ingin menjaga keturunan mereka. Namun, nasihat itu tidak diendahkan oleh anaknya. Kegusaran Raja Seri Mahawangsa ini lebih tertumpu kepada kegusaran jurai keturunan hasil pernikahan anakanda, Raja Seri Maha Inderawangsa dengan cucu Nang Miri. Oleh itu untuk mengelakkan daripada berlakunya salah faham dan pergaduhan antara mereka, kaedah penyelesaian konflik secara konsiliasi telah dilakukan iaitu berbincang dan mencari kesepakatan demi menjauhkan daripada pertelingkahan. Hasil daripada kaedah

konsiliasi ini, Raja Seri Mahawangsa telah akur dan menuruti kehendak anakandanya, sebagaimana petikan berikut:

“Hatta, maka Raja Seri Mahawangsa pun daripada tiada berdaya lagi melihatkan kelakuan anakanda baginda itu, ditegakkan pun tiada mahu dengar oleh anakanda baginda itu, maka baginda pun dukacitalah di dalam hatinya. Maka dengan kemasyghulan hal yang demikian, maka baginda pun jatuhlah sakit yang teramat sangat, maka baginda itu pun hilanglah. Maka disimpankan oleh anakanda baginda itu dengan segala menteri hulubalangnya menurut istiadat tamdim raja yang besar-besar.”

(Siti Hawa, 1998: 46)

Berdasarkan petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa Raja Seri Mahawangsa telah menggunakan kaedah penyelesaian konflik konsiliasi iaitu membuat perbincangan tanpa berlaku pergaduhan antaranya dengan Raja Seri Maha Inderawangsa. Raja Seri Mahawangsa telah menasihati anaknya supaya melupakan hasratnya untuk berkahwin dengan cucu Nang Miri kerana perbezaan budaya dan keturunan. Hal ini jelas menunjukkan Raja Seri Mahawangsa menggunakan pendekatan penyelesaian konflik konsiliasi dengan berbincang dan menasihati anaknya walaupun nasihat dan teguran yang diberikan tidak diendahkan oleh anaknya. Raja Seri Mahawangsa telah menggunakan penyelesaian konflik konsiliasi kerana baginda tidak ingin berlakunya pergaduhan dan pertengkaran antara dirinya dengan anaknya walaupun akhirnya Raja Seri Mahawangsa terpaksa akur dengan keputusan anaknya sehingga dirinya berasa terlalu sedih sehingga mengorbankan dirinya sendiri.

3. Penyelesaian Konflik Kuasa Secara Mediasi

Konflik dalam kuasa tercetus apabila berlakunya persaingan untuk mendapatkan kepentingan dan kedudukan tertentu. Kuasa adalah salah satu punca utama ketidakseimbangan atau ketidakserataan dalam masyarakat (Dahrendorf, 1959). Bagaimanapun, perebutan kuasa yang tidak terkawal atau tidak ditangani dengan baik boleh membahayakan kestabilan masyarakat serta memerlukan mekanisme pengawalseliaan yang berkesan. Kaedah penyelesaian konflik melalui penyelesaian mediasi ini digunakan dalam situasi konflik kuasa dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Mediasi adalah kaedah penyelesaian konflik yang menggunakan orang ketiga untuk membantu pihak-pihak yang berdepan dengan konflik untuk mencari jalan penyelesaian (Dahrendorf, 1959). Konflik kuasa ini boleh dilihat dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa* melalui peristiwa antara Menteri Kelahum dengan Raja Kelana Hitam. Raja Kelana Hitam berhasrat untuk menyerang dan menjajah negeri Kedah. Peristiwa ini berlaku ketika ketiadaan Raja Kedah disebabkan pengunduran Raja Ong Maha Perita Deria daripada dibunuh oleh pembesar dan isi rakyat kerajaan tadbir baginda. Raja Kelana Hitam, iaitu Raja Pulau Tawar berhasrat menggunakan kesempatan yang ada untuk menyerang dan menjajah Kedah agar dapat memperluaskan tanah jajahannya.

Konflik telah berlaku apabila Menteri Kelahum menasihati Raja Kelana Hitam untuk tidak meneruskan hasratnya pergi ke Kedah untuk menjadi raja dengan alasan di Kedah sudah ada raja yang bakal ditabalkan. Namun bagi Raja Kelana Hitam, Menteri Keempat datang sebagai penghalangnya untuk menakluki negeri subur itu. Impian Raja Kelana Hitam terpaksa dibatalkan kerana telah ditemukan anak Raja Bersiung dan bakal menabalkannya menjadi raja. Apabila diceritakan keadaan Kedah yang sudah kembali beraja, Raja Kelana Hitam tidak berpuas hati. Oleh itu, bermulalah konflik dan pertelingkahan antara rombongan Menteri Kelahum dengan Raja Kelana Hitam. Konflik ini berpunca daripada perebutan takhta sebagai raja di negeri Kedah. Raja Kelana Hitam memutuskan untuk mengambil negeri Kedah menggunakan kekerasan jika tidak diizinkan menjadi raja. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Demi didengar oleh Raja Kelana Hitam, maka naik marahlah ia, mukanya merah seperti bunga raya, maka titahnya “main yang mana kamu tewas dan peperangan yang mana kamu sudah alah, tiada patutkah aku menjadi raja di Negeri Kedah? Jika tiada boleh aku menjadi raja dengan baik, maka kuambil juga dengan senjatakmu. Maka hendaklah kamu katakan pada penghulu engkau itu, jikalau ia hendak menggalang-galang dan menyekat kami sekalian ia, jikalau ia hendak pergi ke Negeri Kedah itu, keluarlah ia ke medan peperangan melihatkan pertikaman kami, baik esok atau sekarang ini, itu pun yang mana jadi kesukaan kamu.”

(Siti Hawa, 1998: 70)

Situasi tersebut jelas menunjukkan kemarahan Raja Kelana Hitam apabila diberitahu bahawa negeri Kedah sudah mempunyai raja yang bakal ditabalkan. Kemarahan Raja Kelana Hitam memuncak sehingga baginda mengisytiharkan perang untuk mengambil negeri Kedah secara rampasan. Oleh itu, angkatan Menteri Kelahum turut bersiap sedia untuk bertempur dengan kerajaan Pulau Air Tawar bagi melindungi kerajaan Kedah. Sebelum melancarkan serangan kepada angkatan Raja Kelana Hitam, pihak Menteri Kelahum telah beberapa kali berunding secara baik dengan kaedah penyelesaian mediasi agar Raja Kelana Hitam berundur. Namun usaha perundingan tersebut tidak diendahkan oleh Raja Kelana Hitam. Pertempuran di antara keduanya telah berlaku. Angkatan raja gergasi datang bersama penyuruh Raja Benua Siam untuk membantu angkatan Menteri Keempat berhadapan dengan musuh iaitu Raja Kelana Hitam sebagaimana petikan berikut:

“Maka jawab tentera yang datang itu, katanya, “Raja kami raja gergasi, datang dengan penyuruh Raja Benua Siam membantukan menteri Kelahum dan menyuruh tangkap segala raja lawannya bawa pulang ke Benua Siam.”

(Siti Hawa, 1998: 72)

Raja Benua Siam telah bertindak sebagai pihak ketiga atau pengantara yang menghantar raja gergasi untuk membantu Menteri Kelahum mengalahkan dan seterusnya menangkap Raja Kelana Hitam. Konflik kuasa ini sesuai dikaitkan dengan teori penyelesaian konflik Dahrendorf melalui penyelesaian mediasi kerana pihak yang berhadapan dengan konflik terpaksa akur untuk menerima campur tangan daripada pihak ketiga bagi membuat keputusan menyelesaikan konflik yang berlaku. Hal ini jelas menunjukkan Raja Kelana Hitam terpaksa akur dengan campur tangan dari Raja Benua Siam yang membantu Menteri Kelahum untuk mengelakkan beliau daripada terus berperang. Rentetan itu, kerajaan Pulau Air Tawar dikalahkan dan Raja Kelana Hitam ditangkap serta dibawa ke Benua Siam. Kerajaan Kedah pula berjaya dipertahankan daripada ancaman tersebut.

4. Penyelesaian Konflik antara Kelas Sosial secara Mediasi

Menurut Dahrendorf (1959), konflik antara kelas sosial boleh terjadi apabila masyarakat terdiri atas dasar yang didominasi oleh golongan atasan yang berkuasa kerana mempunyai kepentingan yang berbeza. Berdasarkan teks *Hikayat Merong Mahawangsa*, konflik antara kelas sosial ini telah digambarkan melalui peristiwa penindasan yang telah dilakukan oleh Raja Bersiung terhadap rakyat. Konflik antara kelas sosial ini telah berlaku apabila golongan atasan atau golongan pemerintah yang bertindak kejam dengan menindas golongan bawahan seperti rakyat jelata tanpa belas kasihan. Konflik antara kelas sosial yang dikemukakan dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa* ini memperlihatkan kebangkitan rakyat dan menteri yang bertindak menentang kezaliman Raja Bersiung. Menteri Keempat melarang Raja Bersiung daripada terus menindas rakyat yang tidak bersalah. Rentetan itu, Menteri Keempat telah berbincang dengan pihak istana dan bermuafakat dengan permaisuri untuk menyelesaikan konflik yang berlaku apabila mendapati nasihat yang diberikan oleh Menteri Keempat tidak diendahkan oleh Raja Bersiung. Bukan saja nasihat Menteri Keempat tidak dihiraukan malah Raja Bersiung turut mencabar untuk menentanginya sebagaimana petikan berikut:

“Maka titahnya, “Jika tuan hamba keempat hendak langgar dan bunuh beta pun tentulah beta tahan mana yang sebolehnya.” Setelah demikian titahnya maka Raja Bersiung pun masuklah ke istana berkata kepada isterinya dan pada segala isi istana, segala yang ada hadir duduk menghadap, lalu dititahkan kepada segala penghulu biduanda yang di dalam kota, “Aturkan olehmu segala bedil meriam di atas kota ini dan keluarkan segala senjata dan suruh tunggu jaga pada keempat penjuru kota ini.” Adapun banyaknya hamba sahayanya yang di dalam kota itu adalah kadar lima ratus banyaknya yang diharap oleh Raja Bersiung itu. Setelah sudah siap sekaliannya maka ia duduk menanti.”

(Siti Hawa, 1998: 56)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas bahawa Raja Bersiung sanggup memulakan peperangan dengan menteri dan rakyatnya demi keegoannya yang menginginkan darah serta hati sebagai santapan. Memandangkan usaha menasihati Raja Bersiung gagal, Menteri Keempat terpaksa menyusun strategi untuk melawan Raja Bersiung. Perkhabaran berkenaan peristiwa ini telah sampai kepada Raja Perempuan. Sebagai

seorang Raja Perempuan yang bertanggungjawab, baginda sangat berdukacita memikirkan pemberontakan yang akan memberikan kesan kerosakan ke atas isi istana dan kemungkinan kematian para penghuni istana. Oleh itu, baginda Raja Perempuan telah memohon pertimbangan para menteri supaya tidak menyerang dan menimbulkan kerosakan ke atas istana. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Hatta adapun akan Raja Perempuan, isteri Raja Bersiung itu, sangatlah ia menaruh percintaan di dalam hatinya kalau- kalau habis mati sekalian isi istana atau rosak binasa dengan sebab perangai suaminya itu. Maka dipanggil empat orang dayang disuruh pergi kepada Menteri Keempat itu mengatakan takut rosak sekalian isi istana. Maka kata Menteri Keempat, “Baiklah, jika raja perempuan itu suka masuk campur dengan kira-kira kami ini, maka selamatlah sekalian isi istana itu. Hanya yang kami hendak bunuh Raja Bersiung sahaja.”

(Siti Hawa, 1998: 56-57)

Atas kerendahan hati dan budi bicara Raja Perempuan yang dihormati oleh para menteri dan rakyat maka mereka bersetuju untuk mempertimbangkan permintaan Raja Perempuan tersebut. Keprihatinan dan sifat penyayang baginda Raja Perempuan jelas terserlah sebagaimana petikan tersebut. Sifat terpuji Raja Perempuan ini secara tidak langsung telah berjaya menyelamatkan nyawa isi istana dan rakyat. Sebagai tanda persetujuan akan rundingan baginda Raja Perempuan, pihak Menteri Keempat meminta persetujuan Raja Perempuan supaya baginda berbuat sesuatu sebagaimana dalam petikan berikut:

“Maka sembah dayang-dayang itu, “muafakat yang semacam mana jua datuk kehendaki itu tentulah diikut oleh raja perempuan.” Maka kata Menteri Keempat “hendaklah mengaku sampaikan sembah kami keempat pada ke bawah duli raja perempuan hendaklah segala bedil meriam itu isi ubat sahaja, jangan bubuh peluru, nescaya tiadalah rosak kami sekalian dan rakyat.”

(Siti Hawa, 1998: 56-57)

Berdasarkan petikan tersebut jelas menunjukkan Menteri Keempat telah menggunakan kaedah penyelesaian mediasi apabila beliau bertindak melakukan muafakat dengan permaisuri. Menteri Keempat telah mencadangkan permaisuri supaya meletakkan ubat ke dalam setiap meriam supaya setiap peluru yang dilepaskan tidak mendatangkan bahaya kepada rakyat dan segala isi istana. Pendekatan yang digunakan ini sesuai dikaitkan dengan teori penyelesaian yang dikemukakan oleh Dahrendorf yang mana setiap konflik boleh diselesaikan apabila adanya pihak ketiga dalam membantu memberi cadangan atau permuafakatan dengan pihak lain untuk menyelesaikan konflik yang berlaku. Berkat kesepakatan Raja Perempuan dengan Menteri Keempat, tiada kecederaan atau kematian dialami oleh pihak rakyat dan menteri. Setelah kehilangan Raja Bersiung yang melarikan diri ke dalam hutan maka tampuk pemerintahan negeri Kedah terus dipangku oleh Raja Perempuan bersama-sama Menteri Keempat.

Kesimpulan

Setiap konflik yang berlaku memberi kesan sama ada berbentuk positif atau negatif kepada masyarakat mahupun sesebuah negara itu sendiri. Hal ini kerana kesatuan yang wujud antara setiap rakyat mampu membawa kepada pembentukan sesebuah negara yang harmoni. Oleh itu, kaedah penyelesaian konflik ini merupakan satu teori yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan seharian agar konflik yang berlaku tidak berlarutan sehingga merosakkan keharmonian sesebuah masyarakat dan negara. Hal ini sangat penting untuk memastikan setiap konflik yang berlaku tidak akan membawa kepada perpecahan antara rakyat dan masyarakat.

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* banyak memaparkan bentuk-bentuk konflik yang terjadi dalam kehidupan masyarakat dan setiap konflik yang berlaku itu dapat dileraikan dengan kaedah penyelesaian yang berkesan dan sesuai. Jelaslah bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan bukti kebijaksanaan masyarakat Melayu tradisional dalam menguruskan konflik serta krisis yang berlaku dengan penyelesaian yang berkesan.

Penghargaan: Terima kasih kepada semua penulis dan pihak yang terlibat dalam menjayakan penulisan artikel ini.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Amran Hassan. (2011). *Konflik*. Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Arba'ie Sujud. (2012). *Apresiasi bahasa dan interpretasi* (edisi baharu). Sarjana Press.
- Azizi Yahyan & Jamaludin Ramli. (2007). *Psikologi abnormal*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Coser, L.A. (1956). *The functions of social conflict*. Routledge and Kegan Paul.
- Dahrendorf, R. (1958). Toward a theory of social conflict. *The Journal of Conflict Resolution*, 2(2), 170-183. <https://doi.org/10.1177/002200275800200204>
- Dahrendorf, R. (1959). *Class and class conflict in industrial society*. Stanford University Press.
- Malike Brahim. (2008). *Mengurus konflik*. IBS Buku.
- Mohd Foad Sakdan. (2005). *Pengurusan konflik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. (2015). Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: Suatu analisis. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 183-194. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-3102-12>
- Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris. (2019). Kebijaksanaan adab dalam hikayat Melayu tradisional. *Akademika*, 89(Isu Khas), 81-91. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI-08>
- Mumtazah Othman & Husna Sulaiman. (2008). *Penyelesaian masalah, teknik & aplikasi*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nadiatul Shakinah Abdul Rahman. (2023). Ekspresi emosi sebagai satu bentuk komunikasi watak menerusi *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting*. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(3), 279-288. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2003.24>
- Nazreen Shahul Hamid. (2015). Adaptasi teks *Hikayat Merong Mahawangsa* kepada filem: Analisis perbandingan unsur naratif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 201-218. <https://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/download/4488/1318/>
- Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. (2019). Mitos berdasarkan teks sastera Melayu tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(6), 78-87. <http://www.ijhpl.com/PDF/IJHPL-2019-06-06-07.pdf>
- Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin & Jama'yah Zakaria. (2017). Gaya pengurusan konflik dan kesannya terhadap institusi kekeluargaan dalam novel *Saga*. *Akademika*, 87(2), 77-87. <http://doi.org/10.17576/akad-2017-8702-06>
- Nurdiyantoro. (2002). *Teori Pengkajian fiksi*. Gajah Mada University Press.
- Nurhayati Diyana Musa. (2015). *Konflik-konflik dalam drama Shaharom Husain*. [Tesis Ijazah Sarjana Muda]. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Hawa Salleh. (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad. (2014). Konflik dalam cerita rakyat dan kesannya kepada kanak-kanak. *PENDETA-Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, 5(1), 189-205. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/download/1201/863/2020>